

Visual Foto Penderaan Kanak-Kanak: Kesedaran dan Pendidikan Terhadap Masyarakat di Malaysia

*Photographs of Abused Children:
Awareness and Education in Malaysian Society*

Noor Zulaika Zulkhifli Merican
iekamerican13@gmail.com

Mohd Zaihidee Arshad
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Kajian ini adalah mengenai peranan komunikasi visual di dalam visual foto penderaan kanak-kanak. Elemen visual membuktikan isu penderaan kanak-kanak dan mendidik memberi kesedaran terhadap masyarakat di Malaysia. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan secara kualitatif dan kuantitatif. Model Kari Killen digunakan bagi menerangkan dunia kanak-kanak yang berkait rapat dengan isu penderaan kanak-kanak. Teori komunikasi visual dan pendidikan seni visual digunakan terhadap penderaan kanak-kanak serta keberkesanannya dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Pemilihan terhadap 50 keping visual foto penderaan kanak-kanak yang bersesuaian, digunakan bagi menyampaikan mesej yang positif kepada masyarakat. Sesi temu bual dan soal selidik dilakukan pada sampel kajian melalui 10 orang kanak-kanak yang didera, ibu bapa dan doktor yang terlibat dalam kes penderaan kanak-kanak. Kajian lapangan dilakukan di 6 buah negeri berdasarkan kepada pemerhatian catatan tertinggi kes penderaan yang berlaku di Malaysia. Dapatkan kajian akan dijadikan bahan rujukan kepada pihak-pihak tertentu, sebagai satu medium fotografi yang diyakini dan medium pemujukan dalam mendidik masyarakat. Hasil kajian juga diharapkan dapat mendidik serta memberi kesan mendalam terhadap emosi khususnya ibubapa dalam mendidik anak-anak.

Kata Kunci visual foto, penderaan, kanak-kanak, emosi

Abstract

The study is about the role of visual communication concerning child abuse. Photography exposes cases of child abuse, raises awareness in educating the public in Malaysia. Both qualitative and quantitative approaches are used in this study. In Kari Killen's model, the relationship is described between the world of children, and the children's outdoor activities that is linked to such abuses. Theories of visual communication and of the visual arts helped convey such information to the public. A selection of 50 photographs sent out a chilling message. Ten abused children, a number of parents and physicians were interviewed, whose feed backs were also obtained through questionnaires. The field work had been conducted in six states with high cases of child abuse. The findings should be relevant to the authorities concerned. Photography is an effective medium to impact parents educating their children.

Keywords photo visual, abuse, emotion

PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan komunikasi visual dalam visual foto penderaan kanak-kanak ke atas masyarakat. Menurut David (2009) fotografi ialah suatu jejak langsung realiti yang mewakili sesuatu keadaan atau objek. Visual itu bertindak membawa makna dan tujuan. Ronald (2002) berkata:

Photography can deliver a mood, it carry a tremendous emotional wallop-like a documentary photography of an abused child enhanced by techniques that emphasize warmth and sensitivity. Photography may be used to create high sensuality or achieve a high artistic level.

Manakala Terry (2010) menyatakan pendapatnya:

Photography is a very persuasive and omnipresent form of communication and persuasive in popular visual culture, and we ought to teach people to carefully think about what they consume.

Ini menjelaskan bahawa fotografi dianggap sebagai satu gaya seni komunikasi untuk mengekspresikan yang tersirat untuk mengajak masyarakat mengintepirasikan pendapat mereka kepada satu gaya seni yang tertinggi. Seperti yang kita sedia maklum, negara Malaysia kini sedang dilambakkkan dengan masalah sosial penderaan kanak-kanak yang semakin membimbangkan. Menurut Rohani (2013) peningkatannya begitu ketara sejak tahun 2007.



Rajah 1 Adik Muhamad Firdaus Dullah dikurung dan dera
(Sumber: MyMetro 22 Jun 2014)

Kes Muhammad Firdaus menjadi titik tolak kepada kes penderaan di Malaysia kerana kes ini melibatkan ibunya sendiri yang sanggup mengurungnya dalam bilik yang gelap dan kotor dipenuhi najis. Keadaan fizikalnya juga turut terbantut kerana tidak diberi makanan yang secukupnya.




Rajah 2 Dera anak tiga tahun hingga mati
(Sumber: Sinar Harian 17 November 2013)

Berlainan pula bagi kes seorang kanak-kanak berusia 3 tahun yang dipercayai didera sehingga menyebabkan kematian. Mangsa dibawa sendiri oleh ibunya untuk meminta bantuan apabila menyedari anaknya itu tidak sedarkan diri. Kes ini melibatkan ibu mangsa dan masih disiasat.

Menyedari hakikat betapa seriusnya gejala global ini, kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk membanteras gejala ini. Bagi pertubuhan bukan kerajaan, Persatuan Kesedaran Wanita Pulau Pinang (WCC) menggunakan pendekatan secara

visual dan multimedia dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat di laman sesawang persatuan mereka dan mengagihkan risalah bergambar berkaitan penderaan kanak-kanak dari rumah ke rumah (<http://www.wccpenang.org/> diakses pada April 11, 2014). Ini secara tidak langsung menimbulkan kesedaran kepada umum dan kepada penyelidik tentang penggunaan visual dan media yang digunakan dalam membanteras isu penderaan kanak-kanak ini.



Rajah 3 Poster dan risalah yang digunakan untuk menyampaikan mesej kepada kanak-kanak dan remaja

Permasalahan Kajian


Kes penderaan kanak-kanak khususnya di Malaysia, jarang sekali elemen penggunaan foto digunakan dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Kebanyakan penulis lebih gemar menggunakan teks yang padat dalam menjelaskan sesuatu isu. Biarpun ada beberapa kajian yang menunjukkan pendekatan visual komunikasi secara foto digunakan tetapi ia hanya berkaitan dengan isu pendidikan, kesihatan, kempen politik dan sebagainya namun isu berkaitan penderaan kanak-kanak ini masih baru dan jarang digunakan dalam penyedaran emosi kepada umum.

Sedangkan menurut Douglas (2009) fotografi itu bertindak berkomunikasi sebagai satu produk hasil keinginan dan minat seseorang itu kepada orang ramai. Ia juga diperakui sebagai bukti visual dan ia menghadirkan diri terutamanya dalam penyelesaian masalah forensik, dan membantu sesuatu permasalahan yang lain.

Menurut Azrool Izwan (2010) bidang seni reka, seni lukis dan fotografi sangat berkurangan di Malaysia apatah lagi dari segi bahan rujukan dan data. Menyedari akan keadaan ini, penyelidik ingin melihat serta mengkaji bagaimana pendidikan seni visual komunikasi ini berperanan dan memberi impak dalam membantu menyedarkan serta mendidik masyarakat.

Sorotan Literatur

Di dalam buku *Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia* oleh Mohd Salleh mengatakan bahawa penderaan bayi dan kanak-kanak ini bukanlah sesuatu yang ‘baharu’ tetapi telah lama berlaku sejak zaman jahiliah lagi. Sebelum agama Islam berkembang di Mekah, masyarakat Arab Jahiliah khasnya kaum Tameen dan Asad sering membunuh bayi perempuan termasuk kanak-kanak lelaki dan perempuan.



Rajah 4 Ilustrasi muka depan buku *Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia*

Mereka yang mengamalkan perbuatan itu hanya terbatas kepada golongan yang berpangkat rendah dan miskin. Hal yang sama berlaku pada era ini di mana faktor ekonomi sesebuah keluarga menjadi salah satu punca penderaan kanak-kanak berlaku di Malaysia (Mohd Salleh, 1997).

Khadijah Alavi dan Ann Wan Seng di dalam buku *Memahami Latar Belakang Penderaan Kanak-Kanak* menyatakan bahawa statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sepanjang tahun 1991 dan 1992 menunjukkan ibu kandung adalah golongan yang paling ramai mendera anak diikuti oleh bapa kandung. Namun senario penderaan kanak-kanak mengikut kaum menunjukkan bahawa kaum Melayu paling ramai terlibat dalam kes penderaan kanak-kanak dan bayi. Tetapi ada beberapa faktor yang menghuraikan persoalan ini. Antaranya ialah perubahan struktur kekeluargaan akibat migrasi luar bandar ke bandar, kemiskinan, ketegangan dan perubahan cara hidup yang berlaku pada masyarakat Melayu hasil dari pembangunan dan kemajuan negara yang pesat. Namun realitinya, penderaan kanak-kanak ini boleh berlaku kepada semua masyarakat tidak kira latar belakang keturunan, pegangan agama dan amalan hidup. (Khadijah Alavi, Seng, Ann Wan: 2003)

Khadijah Alavi dan Mohamed Fadzil Che Din menyatakan dalam buku *Penderaan Kanak-Kanak: Cabaran, Cegahan dan Membantu* menerangkan tentang teori yang digunakan dalam membantu menerangkan fenomena tersebut. Pengubahsuaian teori dan model Kari Killen (1990) adalah untuk diadaptasi dengan budaya dan juga persekitaran kes penderaan kanak-kanak di Malaysia. Pendekatan ini merangkumi

interaksi sosial dunia dalam serta dunia luar kanak-kanak mangsa penderaan akibat dari interaksi yang terjadi di sekelilingnya (Khadijah Alavi, Mohamed Fadzil Che Din: 2007).

Rusydi Mohamad, Abdul Latif, Muhammad Hakimi., menyatakan bahawa kajian yang dijalankan adalah mengenai komunikasi visual mesej kesihatan pada kotak rokok adalah strategi terbaru dan agresif dalam bentuk penyampaian mesej kepada masyarakat. Ia juga menerangkan tentang buku *Persuasive Communication Campaigns* ada menyatakan beberapa tahap pemprosesan mesej oleh khalayak dan merupakan mesej yang sangat berguna dalam kajian keberkesanan mesej kesihatan. Manakala di dalam satu kajian yang bertajuk '*Health warnings on tobacco packages: Summary of evidence and legal challenges*' oleh David Hammond (2008) mendapati pakej-pakej amaran pada kotak rokok adalah cara paling efektif dalam komunikasi visual dan mempunyai impak yang tinggi dan memberi kesedaran yang tinggi kepada golongan bukan perokok. (Rusydi Mohamad *et al.*, 2013)

Lovell P.R, dalam bukunya bertajuk *Picture and Words* menegaskan bahawa perlunya setiap foto itu digabungkan dengan sedikit teks untuk menerangkan sesuatu kejadian atau keadaan. Menurutnya lagi

The challenge for both photographer and writer is to make the photo and the words that explain it come alive as well^{iv}.

Massey W.K, juga menegaskan bahawa

Captions, to me, are the ballast to the images in photographs. They ground the images in fact and provide meaning beyond the simple image^v.

Tambahnya lagi hanya sesetengah golongan sahaja yang dapat meninterpretasikan maklumat hanya dengan melihat sesuatu foto. Teks dan foto itu perlu seiring bagi menegaskan kejadian yang berlaku tanpa masyarakat menyalah interpretasi maklumat yang ingin disampaikan. (Lovell, 2002)

Metodologi

Kajian ini akan mengabungkan kaedah secara kuantitatif dan kualitatif. Sesi temu bual akan dilakukan kepada sampel kajian seramai 10 orang yang terdiri daripada kanak-kanak yang didera, ibu bapa dan doktor yang terlibat dalam kes penderaan ini. Perbincangan dilakukan bagi mengenal pasti punca-punca berlakunya penderaan serta menilai tahap penerimaan mesej visual, adakah ia berkesan atau mempengaruhi mereka. Manakala pemilihan 50 sampel visual foto penderaan kanak-kanak bersesuaian akan dipilih setelah kajian dijalankan bagi menyampaikan mesej yang positif kepada masyarakat. Kajian lapangan akan dilakukan di 6 buah negeri iaitu Pulau Pinang, Perak, Perlis, Kuala Lumpur, Selangor dan Melaka. Pemilihan ini berdasarkan kepada pemerhatian catatan kes penderaan tertinggi yang direkodkan.

Hasil dapatan kajian akan dijadikan bahan rujukan kepada pihak-pihak tertentu, sebagai satu medium fotografi yang diyakini dan medium pemujukan dalam mendidik masyarakat. Melalui hasil kajian yang dijalankan, melalui visual-visual foto yang dipaparkan berhubung kes penderitaan kanak-kanak yang didera diharap agar dapat

mendidik serta memberi kesan mendalam terhadap emosi khususnya ibu bapa dalam mendidik anak-anak.

Dapatkan Kajian

Analisis awal telah dijalankan mengenai penderaan kanak-kanak secara visual foto melalui satu perbincangan terbuka menggunakan saluran media sosial *facebook* secara kualitatif dan untuk mencapai objektif kajian. Seramai 40 pengguna media sosial *facebook* yang terlibat dalam memberi respon dan tafsiran maklumat yang dikehendaki. Lingkungan golongan ini terdiri daripada mereka yang berumur 20 hingga 35 tahun. Rata-rata mempunyai latar belakang pemegang diploma serta sarjana universiti tempatan di Malaysia. Mereka juga terdiri dari penganut agama dan berlatar belakang pekerjaan yang berbeza. Setelah perbincangan dilakukan dengan berpandukan kepada sebuah poster yang dibangunkan bagi melihat respon untuk mencapai objektif kajian, penyelidik mendapati seramai 34 orang pengguna amat bersetuju bahawa visual foto penderaan kanak-kanak harus diperbanyak lagi, manakala hanya 6 pengguna tidak bersetuju dan mencadangkan beberapa cadangan lain. Berikut merupakan hasil pandangan yang diberikan apabila ditanya adakah visual foto merupakan medium terbaik dalam menimbulkan kesedaran dan sebagai medium berkomunikasi dengan masyarakat, mereka berpendapat:



Rajah 5 Set siri poster 1 penderaan kanak-kanak yang dibangunkan

“Saya setuju jika diperbanyak lagi visual sebegini mungkin akan menimbulkan kesedaran umum, namun media atau pendekatan sesuai perlu dibincangkan bagi memastikan objektif ini terlaksana”.

(Mohammad Solihin, 26, Perak)

“Saya setuju dengan visual foto, dan bukan saja visual foto malah video juga kena disiarkan di TV supaya boleh menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat lebih banyak bagi orang yang buta huruf, mereka juga boleh memahamikannya”.

(Jeremy Chuah, 30, Penang)

“Bagi pendapat saya, tidak harus diperbanyakkan foto penderaan kanak-kanak kerana ia akan menimbulkan ketidak selesaan dan mengganggu sensitiviti sesetengah pihak. Alternatif lain ialah menggunakan ilustrasi untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat”.

(Ywyn Kim, 26, Kuala Lumpur)

“Saya tidak bersetuju kerana kesedaran terhadap penderaan tidak timbul melalui papan-papan iklan sebaliknya program-program kesedaran, keagamaan serta kaunseling kepada ibu bapa, pasangan yang bercerai serta pengusaha pusat asuhan. Papan iklan yang memaparkan visual kanak-kanak didera boleh mengganggu sensitiviti kanak-kanak itu sendiri, bahkan boleh mengakibatkan trauma kepad ahli keluarga mereka”.

(Faradila Merican, 30, Pulau Pinang)

Melalui perbincangan awal yang dijalankan, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa biarpun sesetengah antara mereka tidak bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan, namun secara majoritinya rata-rata bersetuju dengan cadangan untuk memperbanyakkan lagi visual foto mengenai penderaan kanak-kanak dalam usaha mendidik dan menyedarkan masyarakat di Malaysia.

Instrument kedua yang digunakan adalah dengan pengumpulan data menggunakan sorotan bahan bacaan yang lepas sebagai sumber rujukan yang diperolehi dari kajian yang terdahulu Noremy *et.al* (2012) membuat perbandingan jumlah kes penderaan dan pengabaian yang dilaporkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia 2001-2008.

Jadual 1 Kes penderaan kanak-kanak mengikut negeri 2001-2008

Negeri	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Jumlah
Perlis	26	21	16	26	30	44	27	63	253
Kedah	33	39	63	26	66	102	54	153	1349
P.Pinang	85	130	131	145	172	147	185	177	1172
Perak	85	80	131	145	172	147	185	138	1083
Selangor	327	412	368	474	446	498	816	949	4290
Kuala Lumpur	127	269	153	287	415	354	444	595	2644
N.Sembilan	39	40	55	67	124	147	171	209	852
Melaka	36	24	65	64	26	31	55	64	365
Johor	126	115	156	126	115	91	163	208	1109
Pahang	25	27	8	38	56	91	46	108	399
Terengganu	24	11	31	51	14	8	19	30	188
Kelantan	24	20	17	33	16	41	23	48	222
Sarawak	65	36	33	144	189	180	41	30	718
Sabah	14	17	17	21	0	0	19	8	98
W.P Labuan	0	1	1	0	0	0	0	0	2

Sumber: Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat

Manakala instrumen ketiga yang digunakan adalah melalui keratan akhbar berkaitan kes penderaan kanak-kanak. Kesimpulan yang dapat dibuat melalui ketiga-tiga instrumen ini, penyelidik mendapati bahawa kurangnya penggunaan visual foto di dalam penyampaian mesej kepada orang ramai baik melalui media cetak maupun media elektronik. Dengan analisis awal yang dijalankan penyelidik ingin terus mengupas dengan lebih mendalam tentang penyelidikan ini dengan menggunakan pendekatan seni visual foto untuk berkomunikasi dengan orang ramai tentang kes penderaan kanak-kanak di Malaysia.



Rajah 6 Keratan akhbar penderaan kanak-kanak di Malaysia

KESIMPULAN

Diharapkan dengan kajian dijalankan, penyelidik dapat mendalami emosi yang dialami oleh kanak-kanak yang didera dan membantu memahami khususnya para ibubapa dalam mendidik anak-anak diera serba moden ini. Fotografi itu bukan hanya berfungsi sebagai selembar foto yang kosong tetapi ia merupakan medium yang penting dalam menyalurkan maklumat dalam mendidik masyarakat agar hidup dalam keadaan yang harmoni. Kesempurnaan rakaman visual foto dalam setiap peristiwa bukan sekadar memaklumkan kepada orang ramai tentang kejadian yang berlaku namun jika dipadatkan dengan subjek yang bersesuaian serta mood yang bertepatan dalam tatapan visual itu, dapat mendidik pemikiran serta emosi masyarakat tentang gejala ini.

Biarpun pelbagai teknologi baharu sering berlumba-lumba di zaman yang serba canggih ini, namun peranan fotografi sebagai instrumen pemujukan dalam membentuk sahsiah diri yang tinggi tidak harus dipandang ringan. Setelah tamat kajian ini, masyarakat khususnya dapat mengambil ikhtibar tentang kes penderaan kanak-kanak yang telah berlaku ini dan menanamkan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi dalam diri setiap orang bagi melahirkan masyarakat yang harmoni, aman damai dan sejahtera.

RUJUKAN

- Barrett, T.. (2000). *Criticizing photographs: An introduction to understanding images*. Ohio State University: McGraw-Hill Companies.
- Howells, R., & Matson, W.R. (Eds.). (2009). *Using visual evidence: Actuality and affect in documentary photography*. England: Open University Press.
- Khadijah Alavi, Seng, Ann Wan. (2003). *Memahami latar belakang penderaan kanak-kanak*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.

- Khadijah Alavi, Mohamed Fadzil Che Din. (2007). *Penderaan kanak-kanak: Cabaran, cegahan dan membantu*. Kuala Lumpur: Institut Sosial Malaysia Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia.
- Lovell, R. (2002). *Picture and words*. New York: Thomson Delmar Learning.
- Mohd Salleh Lebar. (1997). *Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia*. Terengganu: KUSTEM.
- Swinnen, J., & Deneulin, L. (2010). *The weight of photography: Photography history theory and criticism. Introductory Readings*, Brussels : ASP (Academic & Scientific Publishers).
- Noremy Md. A., (2012). Hubungan faktor dalaman penderaan fizikal terhadap kanak-kanak oleh ibu bapa. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol 7, No 1, pp.001-014.
- Rusydi Mohamad, K., Abdul Latif A.,B., Muhammad Hakimi., A. (2013). Kesan komunikasi visual mesej kesihatan pada kotak rokok ke atas perokok. In Azmi Aminordin. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research*. Penang, Malaysia, 4-5 June.
- Shamsul Amri Sallehuddin. (2009). Penderaan kanak-kanak kurang: Satu kajian prevelens pengalaman dan persepsi kanak-kanak di Instituti Khas di Semenanjung Malaysia. *Master Dissertation*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Utusan Online. (2013 Ogos). *4,000 kanak-kanak didera tahun lepas*. Diakses pada Disember 16 2013, <http://utusan.com.my/>.
- Utusan Online. (2013 Mei). *Azrool Idzwan penerima Phd termuda UiTM*. Diakses pada 12 November 2013, <http://utusan.com.my/>.
- Women's Center for Change Penang. (2013 Mei). *Child sexual abuse*. Diakses pada April 11 2014, <http://www.wccpenang.org/>.